



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**MATA DI DUNIA,
HATI DI SYURGA**



Tarikh Bacaan:
7 OGOS 2026M / 23 SAFAR 1448H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Mata di Dunia, Hati di Syurga

7 Ogos 2026M/ 23 Safar 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسَرَابٍ بَقِيَعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْثَانُ مَاءً حَتَّى إِذَا
جَاءَهُمْ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا ... ﴿٣٩﴾ سورة النور

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan menyeru seluruh sidang jemaah agar bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya ketakwaan merupakan bekalan terbaik dalam perjalanan menuju akhirat dan menjadi sebab seseorang memperoleh pertolongan, keberkatan serta keredaan Allah.

Sebelum khutbah diteruskan, marilah kita memberikan sepenuh perhatian terhadap peringatan yang akan disampaikan. Hindarilah segala perbuatan yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual, bermain telefon bimbit, mengganggu jemaah lain atau tidur dengan

sengaja. Janganlah kita menjadi orang yang telah berada di ambang memperoleh ganjaran, namun mensia-siakannya kerana kelalaian sendiri.

Pada hari yang mulia ini, mimbar ingin mengajak sidang hadirin untuk menghayati khutbah yang bertajuk **Mata di Dunia, Hati di Syurga.**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى SEKALIAN,

Kehidupan di dunia ini sememangnya mempesonakan. Ia dihiasi dengan pelbagai nikmat kemewahan dan keseronokan yang sering memperdayakan manusia. Harta yang dikumpul tidak pernah dirasakan cukup. Rumah yang tersergam indah masih dirasakan sempit, wang ringgit yang berada di tangan sentiasa dibimbangi akan berkurangan, manakala tanah dan bangunan yang dimiliki pula tidak pernah memuaskan hati. Begitulah sifat dunia, semakin dikejar semakin terasa tidak mencukupi.

Hakikatnya, sekalipun manusia dikurniakan seluruh isi dunia, nafsunya tetap tidak pernah puas. Ramai menyangka kejayaan mengejar dunia dirasakan bakal membawa kebahagiaan dan keuntungan yang besar, namun hakikatnya ia boleh menjadi kerugian yang nyata apabila melalaikan manusia daripada mengingat Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan kehidupan akhirat.

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menggambarkan keadaan ini melalui Surah al-Nur ayat 39 bahawa amalan orang kafir adalah seperti fatamorgana di padang pasir, dari kejauhan disangka air yang mampu menghilangkan dahaga, namun apabila dihampiri tidak sesuatu pun yang memberi manfaat.

Begitulah hakikatnya. Dunia menjadi berbahaya apabila ia bukan lagi sekadar berada di tangan, tetapi mula bertahta di hati. Akhirnya, manusia sanggup menghabiskan seluruh usianya untuk menghimpunkan sesuatu yang pasti akan ditinggalkan apabila kembali menghadap Ilahi. Rasulullah ﷺ bersabda:

لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَاِدِيَانِ مِنْ مَالٍ لَا يَبْتَغِي ثَالِثًا، وَلَا يَمْلَأُ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ إِلَّا التُّرَابُ

Maksudnya: "Sekiranya anak Adam memiliki dua lembah yang dipenuhi harta, nescaya dia akan mencari lembah yang ketiga. Tidak akan memenuhi perut anak Adam melainkan tanah".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini mengingatkan bahawa keinginan manusia terhadap dunia tidak akan berakhir selagi hati tidak dididik dengan sifat qana'ah, syukur dan kesedaran tentang akhirat.

Demikianlah dunia apabila dikejar tanpa panduan iman. Dari kejauhan, ia kelihatan sangat indah dan menjanjikan kepuasan. Namun apabila kematian datang, segala yang dihimpunkan tidak lagi dapat membantu, kecuali harta yang telah dibelanjakan pada jalan Allah ﷻ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Antara amalan terbaik untuk mengubah harta dunia menjadi ganjaran akhirat ialah melalui wakaf. Wakaf merupakan suatu penyerahan harta yang kekal zatnya untuk dimanfaatkan pada jalan

kebajikan kerana Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Harta itu mungkin tidak lagi berada dalam milik pewakaf, namun pahalanya terus mengalir selagi manfaatnya masih dinikmati. Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda maksudnya:

"Apabila meninggal dunia seseorang manusia, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya". (Hadis Riwayat Muslim)

Para ulama menjelaskan bahawa wakaf termasuk dalam pengertian sedekah jariah. Selagi tanah wakaf digunakan, bangunan wakaf dimanfaatkan, sekolah wakaf mendidik manusia atau masjid wakaf diimarahkan, selama itulah ganjaran terus mengalir kepada pewakaf dengan izin Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada 11 Jun 2026 yang lalu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Majlis Penyerahan Hasil Wakaf dan Penghargaan kepada para pewakaf. Majlis ini diadakan bagi mengagihkan hasil manfaat wakaf seperti yang telah ditentukan oleh para pewakaf, khususnya kepada masjid dan sekolah yang berkenaan.

Dalam majlis tersebut, sijil penghargaan turut disampaikan kepada individu dan persatuan yang telah mewakafkan tanah, rumah, bangunan serta sawah padi sepanjang tahun 2025 hingga April 2026. Antara yang menarik perhatian ialah seorang warga emas bernama Puan Maimon binti Che Mat dari Sungai Puyu, Seberang Perai Utara. Walaupun beliau berusia 78 tahun, hidup serba sederhana dan merupakan seorang OKU penglihatan, namun beliau tetap memiliki pandangan yang jauh

melangkaui kehidupan dunia. Mata zahirnya tidak mampu melihat keindahan dunia, namun mata hatinya begitu terang memandang kehidupan akhirat.

Beliau dengan penuh ikhlas mewakafkan sebuah rumah miliknya di Sungai Puyu, Seberang Perai Utara untuk manfaat Masjid Sungai Puyu demi membuktikan kecintaan akhirat mengatasi kecintaan harta dunia. Pengorbanan beliau mengajar bahawa orang beriman tidak membiarkan dunia menguasai hati. Mereka sedar harta yang ditinggalkan akan menjadi milik waris. Manakala harta yang diinfakkan di jalan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* akan menjadi bekalan yang kekal di akhirat kelak. Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* bersabda:

فَإِنَّ مَالَهُ مَا قَدَّمَ، وَمَالَ وَارِثِهِ مَا أَخَّرَ

Maksudnya: "Sesungguhnya hartanya ialah apa yang telah didahulukannya, sedangkan harta warisnya ialah apa yang ditinggalkannya." (Hadis riwayat al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedar atau tidak, banyak institusi umat Islam yang kita nikmati pada hari ini berdiri di atas pengorbanan para pewakaf terdahulu. Masjid dan surau yang menjadi tempat kita bersujud, memakmurkan syiar Islam, tanah perkuburan yang menjadi tempat persinggahan terakhir setiap insan, sekolah agama yang melahirkan generasi al-Quran, rumah kebajikan yang melindungi golongan yang memerlukan serta pelbagai prasarana umat yang kita manfaatkan hari ini, semuanya berdiri megah

hasil pengorbanan insan-insan yang sanggup melepaskan sebahagian harta mereka demi mencari keredaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Walaupun mereka telah lama meninggalkan kita, namun dengan keluasan rahmat Allah, pahala wakaf mereka terus mengalir selagi manfaatnya berterusan.

Justeru, mimbar menyeru seluruh umat Islam agar membudayakan amalan wakaf dalam kehidupan. Berwakafilah mengikut kemampuan masing-masing sama ada mewakafkan tanah, rumah, premis perniagaan, wang tunai atau apa jua harta yang mampu memberi manfaat berpanjangan kepada agama dan ummah. Janganlah kita menunggu menjadi kaya untuk berwakaf kerana wakaf bukanlah ukuran banyaknya harta, tetapi ukuran besarnya adalah keikhlasan dan keyakinan terhadap ganjaran Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Semoga kisah Puan Maimon menjadi teladan bahawa kekurangan fizikal, bahkan kehidupan yang sederhana bukanlah penghalang untuk menjadi insan yang kaya di sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati tiga pedoman penting:

Pertama: Jangan biarkan dunia menguasai hati sebaliknya jadikan dunia sebagai wasilah untuk meraih kebahagiaan akhirat.

Kedua: Manfaatkan setiap nikmat kurniaan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى , sama ada harta, masa, tenaga mahupun ilmu sebagai bekalan amal soleh yang berkekalan.

Ketiga: Suburkan budaya wakaf dalam kehidupan kerana ia merupakan antara amalan terbaik yang pahalanya terus mengalir, memberi manfaat kepada umat Islam merentas generasi dan menjadi saham akhirat yang kekal abadi.

Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah Ali Imran ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: "Kamu tidak sekali-kali dapat mencapai (hakikat) kebajikan yang sempurna sehingga kamu membelanjakan sebahagian daripada harta yang kamu sayangi. Dan apa jua yang kamu belanjakan itu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2024
memutuskan bahawa harus untuk menerima harta wakaf daripada *non-
Muslim* sekalipun dalam perkara-perkara yang melibatkan masjid. Ini
kerana mereka juga adalah termasuk dalam golongan orang yang boleh
bersedekah. Hukum dan kaedah pengurusan harta wakaf *non-Muslim*
adalah sama seperti Muslim.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلَايَةً قُؤُلَاو فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang; Jadikanlah
kami dan zuriat keturunan kami dalam kalangan hamba-Mu yang
istiqamah memakmurkan masjid, menunaikan zakat melalui Zakat
MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG